

## PM ajak rakyat amal konsep Tasamuh

**SHAH ALAM** - Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengajak Keluarga Malaysia untuk bersama menjaga keharmonian dan paduan dengan mengamalkan konsep Tasamuh atau toleransi yang dituntut dalam Islam.

Menurutnya, semangat Tasamuh telah dianjurkan Rasulullah SAW semasa membangunkan kota Madinah apabila golongan Ansar dan Muhajirin menzahirkan sifat toleransi yang melahirkan masyarakat berkahs sayang.

Beliau berkata, sikap toleransi bukan hanya membolehkan rakyat untuk terus membangun sehingga dinormati, tetapi ia juga dapat mengelakkan daripada perbalahan yang sia-sia dan merugikan.

"Semangat Tasamuh ini telah di terjemahkan oleh ahli-ahli Dewan Rakyat ketika sebulat suara meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) berkaitan arangan ahli Parlimen bertukar parti pada 28 Julai yang lalu apabila sanggup menetapkan per-

bezaan fahaman politik demi Keluarga Malaysia.

"Terapkanlah nilai-nilai peritiwa Hijrah ini supaya ia menjadi pemangkin kepada kemakmuran negara dan kesejahteraan Keluarga Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sempena Maal Hijrah tahun 1444H/2022M di Wisma Perwira, Kementerian Pertahanan (Mindef) pada Jumaat.

Ismail Sabri berkata, Maal Hijrah tahun ini juga disambut bertemakan 'Keluarga Malaysia Pemangkin Kemakmuran' bersesuaian dengan latar kehidupan selepas lebih dua tahun berjuang memangi krisis berkembar kesihatan dan ekonomi akibat Covid-19.

Beliau menegaskan, melalui semangat kebersamaan, Keluarga Malaysia berjaya berhijrah memasuki



ISMAIL SABRI

Islam, tetapi ia mempunyai pengertian yang lebih besar.

"Cabaran pada hari ini sudah tentunya menuntut kecekalan dan ketahanan jiwa setiap daripada kita, sepertimana semangat pengorbanan kaum Muhajirin yang sanggup meninggalkan harta dan keluarga.

"Pada masa sama, semangat kaum Ansar yang berbesar hati menerima golongan Muhajirin yang berhijrah ke kota mereka," katanya.

# 55,000 peluang kerja untuk golongan rentan

Perkeso yakin dapat penuhi hasrat kerajaan susulan tempoh pelantikan JKIP

Oleh **MUHAMMAD AMMAN HIBRAHIM**  
**SHAH ALAM**

**P**ertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) yakin dapat memenuhi hasrat kerajaan menyediakan 55,000 peluang pekerjaan kepada golongan rentan sepanjang tempoh pelantikan Program Jamin Kerja-Insentif Penggajian (JKIP).

Ketua Eksekutif Perkeso, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, sasaran jumlah tersebut adalah bagi menyokong matlamat Program JKIP yang mahu mewujudkan sebanyak 300,000 peluang pekerjaan sepanjang tahun 2022.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob telah mengumumkan pelantikan Program JKIP yang telah tamat tempoh asalnya pada 30 Jun 2022, sewaktu merasmikan Ekspo Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022 Isnin lalu.

"Lanjutan program ini akan memberikan tumpuan kepada usaha pengambilalihan pekerja daripada sektor pelancongan, pekerjaan yang menggantikan pekerja asing

(program Malaysianization), orang kurang upaya (OKU), wanita dan individu yang kehilangan pekerjaan," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Kerajaan memutuskan untuk melanjutkan tempoh pelaksanaan Program JKIP selama enam bulan lagi sehingga 31 Disember 2022.

Menurutnya, dengan peruntukan sedia ada Program JKIP berjumlah RM2 bilion di bawah Bajet 2022, sebanyak RM475 juta bakal disalurkan sebagai insentif kepada para majikan yang mewujudkan peluang pekerjaan dan membuat pengambilalihan daripada golongan terjejas terbahagi.

Jelas beliau, sepanjang tempoh pelantikan JKIP itu, syarat permohonan dan kadar insentif kepada majikan serta bantuan mobiliti kepada pekerja yang diambil akan kekal seperti sebelum ini.

Dalam pada itu, beliau berkata, intervensi dan sokongan daripada kerajaan bagi merancakkan pasaran buruh menerusi pelantikan program ini dilihat amat penting dengan mengambil kira situasi pengangguran yang berada pada kadar 3.8 peratus, lebih tinggi berbanding sebelum pandemik.

Mengulas mengenai pengalangan Ekspo Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022 yang berakhir Rabu lalu,



MUHAMMAD AZMAN

beliau berkata, ia dihadapi hampir 14,000 pengunjug terdiri daripada pencari kerja pelbagai kategori seperti lepasan sekolah, graduan, penganggur dan termasuk pekerja ingin mengembangkan kerjaya atau mencari peluang lebih baik.

Dalam perkembangan lain, Mohammed Azman berkata, tapisan ketat dan pemeriksaan mengujut akan dibuat secara berterusan ke atas majikan yang terlibat dalam Program Insentif Pengambilan Pekerja (Penjlnakerjaya).

Beliau berkata, tapisan ketat itu yang melibatkan dokumen tuntutan bayaran majikan serta pemeriksaan ke atas premis, penting dilaksanakan untuk memastikan tiada lagi penyelewengan oleh pihak majikan.

"Seperti yang saya nyatakan, bukan kita (Perkeso) tidak memantau sebelum ini (proses tuntutan bayaran) tetapi ada daripada mereka (majikan) mungkin ada cara untuk memanipulasi seperti ia (dokumen) nampak tulen.

"Tetapi apabila kita ke lapangan menemu bual pekerja, baru kita tahu ada unsur-unsur yang menurus ke arah penyelewengan. Kita akan pastikan tindakan diambil bagi memberhentikan mereka," katanya.

### ROS lulus pindaan Perlembagaan UMNO

**SHAH ALAM** - Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) meluluskan pindaan Perlembagaan UMNO agar pemilihan UMNO di semua peringkat diadakan tidak lebih dari enam bulan selepas Pilihan Raya Umum (PRU).

Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Ahmad Maslan berkata, beliau telah menerima surat daripada Pendaftar ROS pada petang Jumaat.

"Sukacita dimaklumkan bahawa ROS telah meluluskan dengan sedikit pindaan kepada permohonan berkaitan Perlembagaan UMNO.

"ROS bersetuju kepada pindaan Perlembagaan UMNO agar pemilihan UMNO di semua peringkat diadakan tidak boleh lebih dari enam bulan selepas diadakan sesuatu Pilihan Raya Umum Parlimen (Dewan Rakyat). ROS juga meminta agar satu pemilihan perlu diadakan dalam satu penggal Pilihan Raya Umum Parlimen (Dewan Rakyat)," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

UMNO telah mengemukakan notis pindaan perlembagaan kepada ROS pada 17 Mei lalu dan agensi kerajaan itu berjanji untuk mengumumkan keputusan sebelum 16 Julai.

- 10** BERITA SINAR HARIAN PALING TRENDING
- SETAKAT JAM 5 PETANG JUMAAT
- 1** WAJARLAH KLINIK KERAJAAN DIBUKA SAMPAI MALAM
- 2** THAILAND LAPOR KES KEDUA CACAR MONYET
- 3** MAUT YANG BOLEH DIELAN
- 4** PENUNGGANG MOTOSIKAL MAUT LANGGAR BELAKANG LORI
- 5** GAMBAR CERUN CURAM DIRAKAM MARS EXPRESS DI MARIKH
- 6** UBUR-UBUR 'SERANG' BANDAR TEPI LAUT ISRAEL
- 7** KISWAH KABABH DIGANTI MALAM INI, PEMBUKA TIRAI TAHUN BARU ISLAM
- 8** KESAN VAPE BERTAMBAH TERUK BEBERAPA TAHUN LAGI
- 9** DUA JURUTERBANG MAUT, PESAWAT TENTERA UDARA INDIA TERHEMPAS
- 10** BEKAS PENGARAH MIDF DIDENDA RM85,000 GUNA BAUCAR PALSU